

# Flat uzur, hancing sesakkan hidup

Penduduk bersyukur Flat Taman Kuchai Jaya terbabit projek PSB

Oleh A'qilah Riduan dan Noor Hafizah Ahmad Jaafar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bukan setakat bangunan uzur dan usang, bau hancing yang menyengat dari flat juga menambah ketidakselesaan pelawat mahupun penduduk di kawasan itu.


Itulah gambaran Flat Taman Kuchai Jaya yang terletak di ibu kota sejak 1989 dan kini berusia 36 tahun.

Walaupun terletak di lokasi strategik berdekatan kemudahan awam seperti stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan Transit Aliran Massa (MRT) serta klinik kesihatan, nilai seunit rumah di flat berkenaan hanya antara RM80,000 hingga RM122,000.

Harga yang murah itu menjadi tarikan utama warga asing untuk menetap di situ, sekali gus mengubah wajah demografi flat terbabit.

Lebih membimbangkan, kelibat individu mabuk berkeliaran di pekarangan flat bukan lagi sesuatu yang mengejutkan, malah sudah dianggap lumrah oleh penduduk yang terpaksa 'menelan' realiti hidup dalam suasana tidak selamat.

Flat yang terdiri daripada empat blok setinggi



Lif di Flat Taman Kuchai Jaya sering rosak, manakala ada sesetengah blok bangunan dinaiki tumbuhan liar.

(Foto Ahmad Ukasyah/BH)

enam tingkat itu turut berdepan masalah kemudahan asas termasuk lif yang sering rosak.

Penghuni, A Hamed yang sudah 30 tahun tinggal di situ berkata, dia gembira apabila flat berkenaan tersenarai dalam Projek Pembaharuan Semula Bandar (PSB).

Katanya, kebimbangan yang dilalui selama ini akan beransur hilang apabila dijanjikan kediaman baharu yang lebih selesa dan kondusif.

"Kita (manusia) ini perlu kehidupan yang selesa, takkan kita mahu hidup dalam ketakutan?"

"Mesti kita ingin ceria hari kita setiap hari," katanya ketika ditemui BH.

A Hamed berkata, selama menetap di flat berkenaan, sudah tiga kali keretanya dipecah ketika meletakkan kereta di parkir kawasan flat itu.

Apabila ditinjau di kawasan parkir, ia dilihat seperti terbiar dan tidak hairan jika kawasan itu kerap menjadi lokasi jenayah se-

perti kecurian dan vandalisme.

Permukaan jalan dipenuhi lubang yang tidak diturap serta laluan kawasan berlendir dan licin menjadikan kawasan itu tidak selesa untuk pengguna.

#### Gubal akta beri keselesaan

Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini menegaskan kerajaan menggubal Akta PSB bagi memberikan keselesaan kepada rakyat yang sekian lama hidup di perumahan daif.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, status tanah untuk pembaharuan semula itu tidak berubah sama sekali, sama ada ia dimiliki individu, milik kerajaan negeri atau di kawasan rizab Melayu.

Pada masa sama, Anwar berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memastikan rumah sementara yang akan didiami ketika projek pembaharuan itu dilaksanakan, mengambil kira keselesaan dan kemudahan rakyat.

Selain itu, beliau memberi jaminan projek pembangunan berkenaan akan dilaksanakan segera sebaik diluluskan.



Tempat meletak kereta di Flat Taman Kuchai Jaya sering menjadi sasaran aktiviti jenayah.

